



## PEMBERITAHUAN

Merujuk kepada notis Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Suruhanjaya) bertarikh 29 Mac 2023 yang dikeluarkan kepada pemberi perkhidmatan talian selular dan tetap (pemberi perkhidmatan), pihak Suruhanjaya ingin memberi peringatan sekali lagi kepada semua pemberi perkhidmatan akan pematuhan subseksyen 3.8.1.12 Rancangan Penomboran dan Pengalamatan Elektronik (NEAP) dalam memastikan semua panggilan dan penghantaran sistem pesanan ringkas memaparkan maklumat nombor yang sebenar.

Sebarang aktiviti yang menyembunyikan nombor pemanggil adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat permintaan daripada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang. Ini meliputi semua panggilan dan penghantaran sistem pesanan ringkas, termasuk kepada pelanggan-pelanggan pemberi perkhidmatan itu sendiri.

Perkhidmatan CLIR (*Calling Line Identification Restriction*) atau "*private number*" yang ditawarkan oleh pemberi perkhidmatan sebagai perkhidmatan nilai tambah ("*value added service*") kepada pelanggan masing-masing dengan sejumlah fi pendaftaran dan bulanan ini bercanggah dengan peruntukan sedia ada didalam NEAP yang dikeluarkan berdasarkan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998). Justeru itu, semua pemberi perkhidmatan yang memberi perkhidmatan CLIR hendaklah menghentikan perkhidmatan ini dengan segera atau selewat-lewatnya 30 Jun 2023.

Pihak Suruhanjaya ingin menegaskan bahawa mana-mana pemegang penguntukan penomboran yang melanggar apa-apa peruntukan NEAP, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan hukuman yang diperuntukkan di bawah AKM 1998.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Jabatan Pengurusan Penomboran dan Pengalamatan Elektronik**

**Bahagian Pelesenan dan Pemantauan**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

MCMC Tower 1, Jalan Impact,

Cyber 6, 63000 Cyberjaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia Tel: +60 3 8688 8000

Faks: +60 3 8688 1000

E-mel: [neamd@mcmc.gov.my](mailto:neamd@mcmc.gov.my)

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**